

Ruj. Kami : dlm LPKM 7/01/02 Jld.5

Tarikh : 9 November 2021

Semua Persatuan Industri Kayu Malaysia**Semua Pengeksport dan Pembekal Kayu Malaysia**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

TAMBAHAN KEPADA KEPERLUAN PENDAFTARAN BAGI AKTIVITI MELIBATKAN KATEGORI PERABOT

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagai mana Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, keperluan pendaftaran Aktiviti Pengeksport bagi kategori perabot telah diluluskan oleh Jemaah Lembaga MTIB dan pelaksanaannya telah berkuat kuasa mulai 4 Januari 2021. Usaha ini adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet KPPK Bil. 5/2020 pada 13 Mei 2020 yang memutuskan **semua sektor perabot** perlu berdaftar dengan MTIB dan menjelaskan yuran pendaftaran yang dikenakan. Syarikat perabot pada dasarnya terlibat dengan Aktiviti sebagai Pembekal, Pengeksport, Pedagang dan Pengimport, selaras dengan Seksyen 13 (1), Akta 105.

3. Dalam perkara ini, pendaftaran syarikat perabot perlu diperluaskan kepada **Aktiviti Pembekal**, yang merujuk kepada pembekalan perabot dan komponen perabot bagi maksud eksport. Usaha ini dapat memastikan rantai bekalan produk kayu dapat dikawalselia bagi mengukuhkan sistem legaliti produk perkayuan Malaysia.

4. Sehubungan ini, pemakaian dan penguatkuasaan pendaftaran Aktiviti **Pengeksport dan Pembekal** adalah berkuatkuasa mulai **1 Disember 2021** selaras keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Bil. 16/2021.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



Ketua Pengarah MTIB

1 / 2

PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPUASAN PELANGGAN

s.k :

- i) Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf
No. 15, Aras 6 -13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 **PUTRAJAYA**
(u.p : Setiausaha Bahagian Kanan)
- ii) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- iii) Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Komersial)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- iv) Pengarah Pelesenan dan Inspektorat
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- v) Pengarah Pembangunan Perdagangan
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- vi) Pengarah Pembangunan Industri
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- vii) Pengarah Perancangan Strategik
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- viii) Semua Ketua Wilayah MTIB